

# ASEAN akan jadi blok perdagangan utama

UM 6 NOV 2002

PHNOM PENH 5 Nov. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ASEAN akan menjadi blok perdagangan yang amat penting dalam ekonomi dunia dengan kesediaan negara-negara Timur Jauh untuk mewujudkan Kawasan Perdagangan Bebas Asia Timur (EAFTA).

Perdana Menteri berkata, ASEAN juga dianggap sudah kembali sebagai sebuah kuasa ekonomi berikutan kemampuan negara serantau melepasi krisis kewangan 1997/98 dengan cepat sehingga mengundang tawaran daripada pelbagai pihak seperti Australia, India dan Afrika bagi mengadakan kerjasama ekonomi yang lebih rapat.

“Persepsi terhadap ASEAN berubah-ubah, ada ketika dianggap tidak berguna, tetapi sekarang ini nampak berjaya dengan kebolehan untuk pulih semula dengan sendiri.

“Dan kerjasama ASEAN dengan negara Timur Jauh akan menjadikan kumpulan ini amat penting dalam ekonomi dunia,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian dalam sidang akhbar pada akhir Sidang Kemuncak ASEAN Kelapan di sini hari ini.

Sepanjang sidang kemuncak tersebut, ASEAN menunjukkan perkembangan baik dengan menandatangani Perjanjian Rangka Kerja Mengenai Kerjasama Ekonomi ASEAN China, membentuk jawatankuasa Perjanji-



an Ekonomi Konprehensif ASEAN - Jepun dan mengadakan inisiatif dengan Korea Selatan yang semuanya menuju ke arah pembentukan EAFTA.

Menurut Dr. Mahathir, walaupun mengalu-alukan tawaran pelbagai pihak untuk mengadakan FTA, ASEAN perlu berhati-hati dengan mengadakan kajian teliti mengenai keburukan dan kebaikannya.

“Kami mengalu-alukan tawaran untuk mengadakan FTA, walaupun tidak semua kerana kami perlu mengkajinya dahulu.

“Tidak semua FTA membawa faedah saja kerana semestinya ada juga cabaran seperti China yang mampu mengeluarkan banyak barangan untuk bersaing dengan barangan serantau,” katanya.

Beliau menambah, China telah bersetuju agar ASEAN meletakkan senarai pengecualian bagi FTA terutamanya dalam industri yang sensitif kepada kedua-dua pihak.

Dr. Mahathir turut menafikan ASEAN terancam dengan kuasa China dari segi ekonomi memandangkan kedua-duanya boleh membawa faedah bersama.

“Jika kita terus anggap orang lain berpotensi menjadi musuh, orang itu akan menjadi musuh kita pada masa ini juga,” katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak meneruskan kempen untuk mewujudkan satu sekretariat ASEAN + 3 kerana merasakan negara-negara Timur Jauh sudah memberikan sambutan positif bagi memperoleh faedah bersama.

“Sekretariat atau biro tidak begitu penting kerana kita telah menerima tawaran bagi hubungan yang lebih rapat dengan negara-negara Timur Jauh,” ujar beliau.

Menurut Perdana Menteri, beliau merasakan Sidang Kemuncak ASEAN kali adalah persidangan yang amat baik kerana mendapat banyak sambutan positif daripada Timur Jauh.

“Kita mendapat banyak cadangan daripada negara-negara Timur Jauh ini termasuk untuk membantu ahli-ahli baru (Vietnam, Myanmar, Kemboja dan Laos) dalam projek Lembangan Mekong.

“Antaranya ialah bantuan membina jalan dan landasan kereta api dari Singapura ke Kunming di China,” ujar Perdana Menteri. — *Utusan*